

26 JUN 2003

SETIAUSAHA AGUNG OIC KUNJUNGI DR MAHATHIR, ABDULLAH

PUTRAJAYA, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini dikunjungi Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Dr Abdelouahed Belkeziz di sini hari ini.

Pertemuan itu berlangsung ketika Malaysia sedang bersiap sedia untuk menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak OIC ke-10 Oktober ini.

Pagi tadi, Dr Belkeziz mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, dan pada sidang berita kemudian, diplomat kelahiran Maghribi itu mengesahkan bahawa sidang kemuncak berkenaan akan berlangsung seperti dijadualkan walaupun ada khabar angin bahawa ia mungkin ditangguhkan.

Dr Belkeziz yang menjadi setiausaha agung OIC sejak 2001, akan berada di negara ini sehingga Sabtu.

Katanya beliau kagum dengan persiapan Malaysia bagi menganjurkan sidang kemuncak itu yang bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Putrajaya.

-- BERNAMA
SHI MAM MAI